

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI KSSM PENDIDIKAN KHAS
TINGKATAN 5
UNIT 10: KEMAHIRAN BERSOSIAL DALAM MASYARAKAT MAJMUK
TAJUK PETIKAN:
PESTA RAKYAT DI SABAH DAN SARAWAK

Baca petikan berikut dengan teliti.

UNIT 10

Kemahiran Bersosial dalam Masyarakat Majmuk

TEMA 4

Hidup Bermasyarakat

Mendengar dan Bertutur

Pesta Rakyat di Sabah dan di Sarawak

Shanti melayari Facebook dalam laman sosial. Rakan karibnya, Janet telah memuat naik gambar pesta rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Apa khabar, Janet?

Khabar baik, Shanti.

Saya ada melihat gambar yang awak muat naik di Facebook. Bolehkah awak kongsi maklumat tentang pesta rakyat di Sabah dan di Sarawak?

Boleh, Shanti. Saya akan memuat naik maklumat tentang pesta rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Terima kasih, Janet.

Sama-sama, Shanti.

Melakut Karat

- Melakut karat merupakan permainan tradisional kaum Iban.
- Melakut karat merupakan permainan menarik dan menolak kayu yang dimainkan oleh kaum lelaki sahaja.

Sarawak

Pisa Tibow

- Permainan tradisional kaum Melanau Sarawak.
- Permainan ini diadakan ketika menyambut musim buah.

56 KPM

Tumutu

- Tumutu merupakan permainan tradisional kaum Kadazandusun di Sabah.
- Permainan ini menguji ketangkasan dalam memproses padi dengan cara mengasingkan biji padi daripada tangkai padi.

Sabah



TEMA
4

Hidup Bermasyarakat



Momolisitik

Momolisitik atau dikenali sebagai lastik merupakan permainan yang digemari oleh kaum Kadazandusun.



IMBAS SAYA

(Sumber: www.jkkn.gov.my)

Padankan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul berdasarkan petikan di atas.

1. Melakut
Karat

Permainan tradisional oleh kaum Kadazandusun di Sabah.

Permainan ini menguji ketangkasan dalam memproses padi dengan cara mengasingkan biji padi daripada tangkai padi.

2. Pisa Tibow

Merupakan permainan tradisional kaum Iban.

Merupakan permainan menarik dan menolak kayu yang dimainkan oleh kaum lelaki sahaja.

3. Tumutu

Dikenali sebagai lastik .

Merupakan permainan yang digemari oleh kaum Kadazandusun.

4. Momolisitik

Permainan tradisional kaum Melanau Sarawak.

Permainan ini diadakan ketika menyambut musim buah.